



## **Segerakan undang-undang tuntutan bayaran berita dalam talian**

Oleh Saadiah Ismail - Julai 25, 2023 @ 4:32pm  
saadiah\_ismail@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu bertindak segera melaksanakan undang-undang tuntutan berita dalam talian bagi memastikan syarikat media tempatan terus kekal mampan.

Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar, berkata undang-undang itu perlu kerana ia berkaitan dengan kemampuan syarikat media itu untuk terus kukuh berada dalam bidang ini.

Katanya, kerajaan boleh merujuk undang-undang seperti News Media Bargaining Code di Australia dan Online News Act di Kanada yang menuntut syarikat seperti Meta dan Alphabet Inc membayar kepada agensi media tempatan.

"Tapi saya fikir mesti ada kekangan juga kerana syarikat teknologi gergasi ini akan lakukan apa saja untuk pastikan perkara itu tidak akan berlaku.

"Walau bagaimanapun, saya tegaskan keuntungan diperoleh oleh syarikat teknologi gergasi itu perlu dikongsi kerana mengaut keuntungan secara percuma.

"Jadi setiap berita yang dimanfaatkan oleh syarikat teknologi gergasi itu perlu dibayar dan perkara ini tidak boleh dilengahkan lagi," katanya ketika ditemui pada Forum Media Nasional 2023 anjuran Institut Kewartawanan Malaysia (MPI) bertemakan Kemampuan Media - Melangkah ke Hadapan bagi Malaysia Pada Era Digital pada Tahun 2023, di sini hari ini.

Pada forum itu juga, dua sesi dijalankan bersama beberapa panel bertajuk Wartawan sebagai Usahawan Media: Membina Kelestarian Portal Berita dan Pembangunan Teknologi dan Kewartawanan Di Seluruh Dunia-Kanada, Australia dan Indonesia.

Johan berkata, selain itu beliau menggesa Kerajaan Perpaduan tidak menyekat kebebasan media seperti manifesto yang dijanjikan sebelum ini.

"Sebelum ini Pakatan Harapan berjanji untuk hapuskan beberapa akta yang dianggap tidak relevan yang menyekat kebebasan media antaranya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

"Kita mahukan suasana ekosistem kebebasan yang luar biasa kerana sebarang usaha mengekang kebebasan media hanya akan merugikan negara.

"Kita nak pastikan media yang sentiasa bersemangat untuk kelangsungan demokrasi," katanya.

Beliau menambah, perlu ada perwakilan dari media di Dewan Negara kerana sejak sekian lama tidak ada perwakilan bagi membawa suara media.

"Selain itu, saya juga cadangkan untuk diwujudkan Kursi Kewartawanan di universiti utama seperti Kursi Kewartawanan A Rahim Kajai dan sebagainya.

"Saya percaya untuk pastikan dunia kewartawanan ini dihargai dan dihormati, perlu ada kursi," katanya.

Dalam perkembangan isu agama, bangsa dan raja (3R) pula, Johan berkata, tidak perlu untuk menambah akta lain kerana negara sudah ada peruntukan akta yang sesuai.

Katanya, Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sudah mencukupi untuk melindungi sebarang usaha babitkan isu 3R.

"Kadang kita risau, jika bertambah akta baharu, ia akan bertindan antara satu sama lain yang akhirnya media akan terbeban dan sukar untuk beroperasi.

"Mana-mana kerajaan harus terima hakikat media menjadi peranan mata dan telinga kepada rakyat," katanya.